

KEMAHIRAN MENGGUNTING DAN KESANNYA TERHADAP KEMAHIRAN MENULIS KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Cutting Skills and its Effects on Preschool Children's Writing Skills

Nor Az Zahraa Ahmad Tarmidi^{1*}, Kamariah Abu Bakar²

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, MALAYSIA^{1,2}

p105051@siswa.ukm.edu.my¹, kamariah_abubakar@ukm.edu.my²

**Corresponding Author*

Published: 08 August 2022

To cite this article (APA): Ahmad Tarmidi, N. A. Z., & Abu Bakar, K. (2022). Cutting Skills and its Effects on Preschool Children's Writing Skills. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11, 13-21. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.2.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol11.sp.2.2022>

ABSTRAK

Kertas konsep ini bertujuan untuk memahami kemahiran menggunting kanak-kanak prasekolah dan kesannya terhadap kemahiran menulis. Kemahiran menggunting merupakan salah satu kemahiran motor halus yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah. Kemahiran menggunting yang betul dapat membantu kanak-kanak menggunakan otot motor halus mereka dalam menguasai kemahiran yang lain. Kemahiran menggunting adalah antara kemahiran yang sukar dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah saban tahun. Perkembangan motor halus kanak-kanak dapat ditingkatkan melalui aktiviti menggunting kerana aktiviti ini melibatkan kawalan anggota badan serta melibatkan koordinasi mata tangan. Kanak-kanak yang tidak menguasai kemahiran menggunting menunjukkan kawalan motor halus yang lemah seterusnya memberi kesan terhadap kemahiran motor yang lain seperti kemahiran menulis. Latihan dan aktiviti tunjuk cara yang bersesuaian dapat membantu memperbaiki kemahiran menggunting kanak-kanak. Kemahiran menggunting yang dikuasai ketika di prasekolah akan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kanak-kanak di peringkat seterusnya terutamanya dalam aktiviti yang melibatkan kawalan motor halus.

Kata kunci: kemahiran menggunting, kemahiran menulis, motor halus, kanak-kanak, prasekolah

ABSTRACT

This concept paper aims to understand the scissor skills among preschooler and its impact on their writing skills. Scissor skills are one of the fine motor skills that preschool children need to master. Proper scissor skills can help children use their fine motor muscles in mastering other skills. Scissor skills are among the skills that are difficult for preschool children to master every year. Children's fine motor development can be enhanced through cutting activities because it involves muscle control as well as hand-eye coordination. Children who do not master scissor skills show poor fine motor control which in turn affect other motor skills such as writing skills. Appropriate training and demonstration activities can help improve children's scissor skills. There is a positive effect on the development of children at a later stage especially in activities involving fine motor control if they mastered scissor skills while in preschool.

Keywords: scissor skills, writing skills, fine motor, children, preschool

PENGENALAN

Pendidikan awal kanak-kanak menyediakan pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi membantu perkembangan kanak-kanak dalam kepelbagaian domain. Perkembangan yang seimbang dalam setiap domain berupaya membentuk kesediaan kanak-kanak dari segi kognitif, fizikal, sosial dan emosi sebelum melangkah ke pendidikan yang lebih formal pada peringkat seterusnya (Kleeck et al. 2010; Pekdogan et al. 2017). Kanak-kanak akan melakukan proses asimilasi dan akomodasi pengalaman serta pengetahuan yang diperoleh ketika di prasekolah ke peringkat yang seterusnya. Hal ini sekaligus dapat membantu kanak-kanak menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu sepanjang hidup mereka.

Namun dalam usaha untuk membantu perkembangan kanak-kanak dalam setiap domain terdapat beberapa kemahiran yang perlu dikuasai dan salah satunya adalah kemahiran motor halus. Kemahiran motor halus melibatkan aktiviti manipulasi alatan seperti menulis, mengikat tali kasut, bermain doh dan menggantung (Xia Wei 2016a). Kemahiran motor yang tidak berkembang dengan baik akan mengganggu rutin harian kanak-kanak yang melibatkan aktiviti fizikal.

Antara aktiviti yang dicadangkan untuk meningkatkan kemahiran motor halus kanak-kanak adalah melibatkan aktiviti seperti menggantung, mewarna dan melukis (Bhatia et al. 2015). Hal ini kerana aktiviti menggantung melibatkan pergerakan motor halus kanak-kanak dengan manipulasi alatan serta memerlukan koordinasi mata dan tangan yang baik. Pendedahan yang kurang terhadap aktiviti menggantung dan menulis akan memberi kesan terhadap kemahiran motor halus kanak-kanak terutamanya aktiviti yang melibatkan penggunaan alatan (Ratcliffe, et al. 2007). Kawalan motor halus yang baik dapat memastikan kanak-kanak dapat melaksanakan aktiviti-aktiviti rutin di dalam kehidupan mereka.

Bagi memastikan keberkesanan kemahiran menggantung dalam kalangan kanak-kanak, aktiviti peniruan tingkah laku melalui pemodelan boleh dilaksanakan oleh guru. Menurut Bandura (1997) dalam Zakaria et al. (2012) peniruan melalui pemerhatian merupakan proses pembelajaran yang berkesan. Ketika aktiviti menggantung, kanak-kanak akan memerhati tingkah laku dan tunjuk cara yang betul daripada guru seterusnya mencuba melakukan pergerakan yang sama. Proses peniruan ini akan lebih berkesan sekiranya kanak-kanak diberikan peneguhan dan motivasi serta adanya latihan berulang.

Sehubungan itu, guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan kemahiran motor halus kanak-kanak. Robinson, et al. (2012) menyatakan bahawa dalam proses perkembangan ini guru perlu peka dengan tahap kemahiran motor halus yang berbeza-beza di antara setiap kanak-kanak. Guru perlu mengenalpasti tahap kemahiran menggantung kanak-kanak dan menyediakan intervensi yang bersesuaian bagi membantu mereka menguasai kemahiran motor halus ini. Perkembangan kanak-kanak dipengaruhi oleh kesediaan mereka untuk menguasai sesuatu kemahiran dengan adanya sokongan dan bimbingan yang bersesuaian daripada guru.

KEPENTINGAN KEMAHIRAN MENGGUNTING DI KALANGAN KANAK-KANAK

Kemahiran menggunting merupakan salah satu kemahiran motor halus yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak ketika berada di prasekolah. NAEYC (2019) telah menyarankan pelaksanaan aktiviti seperti menggunting, mengecat dan melukis untuk kanak-kanak yang berada di prasekolah. Kekuatan jari dan tangan ketika menggunting dapat melatih kanak-kanak serta sebagai persediaan untuk menguasai kemahiran menulis yang baik. Kajian Nurazira dan Mohd Mokhtar (2020) berkaitan dengan terapi seni mendapati terdapat beberapa kemahiran yang perlu diberi pengukuhan dan latihan pengulangan. Salah satu kemahiran tersebut adalah kemahiran menggunting yang hanya menunjukkan dapatan 75% sahaja berbanding dengan kemahiran motor halus yang lain.

Sementara itu, Noor Izzaidah et al. (2017) berpendapat bahawa pembentukan kemahiran motor yang baik bermula pada peringkat umur kanak-kanak di prasekolah. Aktiviti seperti menggunting dan menulis merupakan aktiviti yang perlu kerap dilakukan kerana pendedahan yang kurang berkaitan dengan aktiviti ini akan mengganggu pembentukan kemahiran motor halus kanak-kanak. Di samping itu, kanak-kanak digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang membantu perkembangan otot-otot mereka untuk menguasai kemahiran menggunting dan kemahiran menulis (Brook 2006). Menurut Sumantri (2005) antara kepentingan aktiviti menggunting kepada kanak-kanak adalah untuk menguatkan otot-otot tangan. Ketika menggunting kanak-kanak perlu mengawal pergerakan jari dan tangan mereka untuk menghasilkan bentuk yang kemas. Selain itu, kemahiran menggunting ini juga dapat melatih koordinasi mata tangan dan meningkatkan kemahiran motor halus kanak-kanak.

Kemahiran motor halus kanak-kanak pada usia 5 tahun telah berkembang dengan baik dari segi kawalan pergerakan anggota badan terutamanya yang melibatkan koordinasi mata dan tangan. Pada usia ini juga kanak-kanak seharusnya didedahkan dengan cara memegang alat tulis dengan betul, menampal gambar, menggunting bentuk dan lain-lain (Yulia et al. 2013). Menyedari kepentingan menguasai kemahiran motor halus ini, intervensi yang bersesuaian perlu dirancang bagi membantu meningkatkan perkembangan kemahiran menggunting dan kesannya terhadap kemahiran menulis kanak-kanak. Hal ini bertepatan dengan kajian lanjutan daripada Anggra et al. (2014) yang mencadangkan agar guru dapat mencipta inovasi aktiviti menggunting yang dapat membantu kemahiran motor halus kanak-kanak sekaligus meningkatkan kemahiran menggunting kanak-kanak.

Rentetan daripada penguasaan kemahiran menggunting yang baik, dapatan kajian Emel et al. (2020) menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kemahiran motor halus dengan pengurusan diri. Kajian yang dijalankan ke atas kanak-kanak prasekolah yang berumur 5 hingga 6 tahun itu menunjukkan semakin baik kemahiran motor halus kanak-kanak semakin baik pengurusan diri mereka. Kemahiran motor halus yang baik juga mempengaruhi kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian Dehghan (2017) mendapati kanak-kanak yang mempunyai kemahiran motor halus yang lemah mempunyai keyakinan diri yang rendah dan kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemahiran motor yang dijalankan. Justeru itu, kemahiran menggunting dan kemahiran menulis kanak-kanak perlu diperbaiki agar perkembangan motor halus mereka berkembang seiring dengan peningkatan usia.

Kemahiran menggunting dan kemahiran menulis memerlukan kawalan motor halus yang baik. Kemahiran motor halus adalah penting bagi memastikan kanak-kanak bersedia untuk berkembang ke peringkat yang seterusnya (Syafriemen et al. 2018). Kemahiran motor

halus yang tidak dikuasai akan menyebabkan kanak-kanak mengelakkan diri daripada aktiviti fizikal, mempunyai keyakinan diri yang rendah dan seterusnya memberi kesan terhadap pembelajaran mereka (Cho 2014). Sehubungan itu, guru digalakkan untuk menggunakan pendekatan yang pelbagai bagi melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti motor halus. Penglibatan yang berterusan secara tidak langsung akan meningkatkan penguasaan kemahiran motor halus kanak-kanak.

Jika kanak-kanak tidak diberi peluang mengembangkan kemahiran motor halus seperti kemahiran menggunting, kanak-kanak akan mengalami masalah untuk melakukan aktiviti yang melibatkan pergerakan jari dan tangan yang lain. Kesannya kanak-kanak tidak dapat menguasai kemahiran menulis disebabkan tidak dapat memegang pensil dan tidak dapat membentuk abjad dengan betul (Ratcliffe et al. 2007). Yakimishyn et al. (2002) juga bersetuju bahawa kepelbagaian aktiviti yang melibatkan manipulasi alatan memberi kesan terhadap genggamans pensil kanak.

Rentetan daripada perkembangan kemahiran motor halus yang baik membawa kepada perkembangan dan penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti seharian (Memi 2014). Hal ini disebabkan kemahiran motor halus diperlukan dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan alat tulis seperti menulis, mewarna, menggunting, menampal dan melipat kertas (Kurniawati et al. 2018). Sehubungan itu, kemahiran menggunting merupakan salah satu kemahiran motor halus yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak. Kawalan tangan dan jari yang baik ketika menggunting dapat melatih otot-otot motor halus kanak-kanak sekaligus meningkatkan kemahiran menggunting dan kemahiran-kemahiran lain yang melibatkan motor halus.

KEMAHIRAN MENGGUNTING DAN PERKAITANNYA DENGAN MOTOR HALUS

Kemahiran menggunting

Menggunting merupakan aktiviti memotong dengan menggunakan gunting. Aktiviti menggunting dapat melatih kanak-kanak menggunakan alat dengan betul ketika menggunting gambar atau objek. Menurut Sumantri (2005) menggunting adalah salah satu aktiviti motor halus dengan memotong pelbagai jenis kertas dan bahan-bahan lain dengan mengikut garis dan bentuk yang telah ditetapkan. Selain itu, menggunting merupakan aktiviti yang melibatkan kreativiti dan melatih daya tumpuan kanak-kanak.

Aktiviti menggunting teknik kawalan jari dan tangan untuk menghasilkan kepelbagaian bentuk dengan menggunakan alat menggunting (Irma 2018). Kawalan pergerakan jari dan tangan ketika menggunting membantu menguatkan otot motor halus kanak-kanak. Kawalan yang baik membolehkan kanak-kanak menyesuaikan pergerakan motor halus mereka dalam aktiviti rutin seharian. Digler (2012) menyatakan aktiviti mengoyak kertas dan menggunakan gunting dapat memperbaiki kemahiran motor kanak-kanak. Secara tidak langsung, penguasaan kemahiran menggunting menunjukkan bahawa kanak-kanak dapat menguasai kemahiran motor halus yang lain.

Kemahiran motor halus

Kemahiran motor dibahagikan kepada motor kasar dan motor halus. Kemahiran motor kasar melibat koordinasi pergerakan otot yang lebih besar seperti tangan dan kaki. Kemahiran motor halus melibatkan pergerakan kecil terutamanya pergerakan tangan dan jari. Pergerakan motor

halus adalah lebih mencabar kepada kanak-kanak berbanding dengan pergerakan motor kasar (Devinder et al. 2015). Hal ini kerana pergerakan motor halus memerlukan kawalan otot dan daya tumpuan yang baik.

Sementara, Amel (2015) berpendapat kemahiran manipulasi alatan seperti aktiviti menulis, menggantung, mengikat tali kasut, bermain doh dan melipat kertas dapat membantu perkembangan motor halus. Antara contoh lain aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus adalah menggantung, mewarna dan melukis (Bhatia et al. 2015).

Pergerakan motor halus kanak-kanak dapat dilatih ketika kanak-kanak memegang dan menggerakkan gunting untuk memotong mengikut garisan atau bentuk. Deliveli (2012) menyokong bahawa aktiviti menggantung dapat meningkatkan tumpuan, melatih kanak-kanak memahami arahan disamping meningkatkan perkembangan motor halus dan koordinasi mata tangan kanak-kanak. Kajian kemahiran menggantung Ratcliffe et al. (2007) menemukan bahawa gengaman gunting dan pergerakan motor kanak-kanak akan sentiasa berubah mengikut tahap kesukaran bentuk yang perlu digunting. Sehubungan itu, latihan dan intervensi yang bersesuaian dapat membantu kanak-kanak menambahbaik kemahiran menggantung sekaligus meningkatkan kawalan motor halus mereka.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN KEMAHIRAN MENGGUNTING

Kajian kemahiran menggantung yang dijalankan oleh Karr (1934) melibatkan kanak-kanak yang berumur 2 hingga 6 tahun. Kajian ini menilai ketepatan hasil guntingan, keupayaan untuk menggantung dengan kemas tanpa terkoyak, kepantasan menggantung, kawalan tangan dan juga perbezaan jantina dalam mempengaruhi kemahiran menggantung. Kajian ini juga telah melaksanakan aktiviti menggantung melibatkan garisan mudah hingga ke bentuk yang lebih kompleks.

Seterusnya merupakan kajian oleh Ratcliffe et al. (2007) yang melibatkan kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun. Sebuah program kemahiran menggantung telah dilaksanakan dan murid telah dinilai menggunakan senarai semak yang telah disediakan. Hasil dapatan menunjukkan perbezaan kemahiran menggantung dalam kalangan murid. Kebanyakan murid yang tidak dapat menggantung terdiri daripada kanak-kanak yang tidak pernah didedahkan dengan aktiviti menggantung.

Kajian Irma et al. (2018) pula memberi penekanan terhadap peningkatan kemahiran motor halus kanak-kanak melalui tiga jenis aktiviti iaitu aktiviti Mewarna, Menggantung dan Menampal (3M). Aktiviti-aktiviti ini dijalankan secara berturutan melalui kaedah tunjuk cara oleh guru. Dapatan menunjukkan terdapat peningkatan kemahiran motor halus kanak-kanak melalui kaedah 3M ini. Sepanjang kajian dilaksanakan, ternyata kanak-kanak dapat memberikan tumpuan dan menggunakan koordinasi mata dan tangan dengan baik.

Seterusnya melalui kajian Rubayyi et al. (2020) mendapati sampel kajiannya mempunyai kemahiran motor halus yang lemah. Pengkaji telah melaksanakan aktiviti menggantung dan dapat menunjukkan peningkatan kemahiran motor halus kanak-kanak melalui aktiviti menggantung. Seo (2018) didalam kajiannya mendapati bahawa kemahiran motor halus merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kemahiran menulis kanak-kanak. Sehubungan itu, aktiviti menggantung dan aktiviti menulis memerlukan perkembangan motor halus yang baik bagi membantu kanak-kanak menguasai kedua-dua kemahiran ini.

Kajian kemahiran menggunting dalam negara oleh Suhainita (2008) telah menggunakan kaedah garisan iaitu melibatkan aktiviti menggunting garisan lurus, zig zag dan garisan bengkok-bengkok. Ketiga-tiga jenis garisan ini merupakan kelemahan yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji dalam kalangan murid prasekolah ketika aktiviti menggunting. Hasil dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menggunting sekaligus membuktikan bahawa kelemahan murid dalam kemahiran menggunting dapat diatasi sekiranya kaedah yang betul digunakan oleh guru. Sementara itu, kajian oleh Siti Asmira (2015) telah mengaplikasikan kaedah Guris terhadap empat orang murid yang lemah dalam aktiviti menggunting. Kaedah Guris melalui garisan lurus, zig zag dan garisan beralun ternyata dapat meningkatkan kemahiran menggunting dalam kalangan murid.

Berbeza dengan kajian Nourlieda (2012) yang melaksanakan aktiviti guntingan, gosokan dan origami bagi meningkatkan kemahiran motor halus murid-murid prasekolah. Hasil dapatan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini menunjukkan peningkatan dari segi tulisan dan aktiviti lain yang memerlukan kawalan motor halus dan koordinasi mata tangan murid. Begitu juga dengan kajian Tengku Nur Ain (2013) yang menggunakan Teknik Play Doh untuk meningkatkan kemahiran motor halus murid. Teknik ini melibatkan aktiviti meramas, memicit, menguli, mencubit dan menggentel. Kesan daripada teknik ini murid dapat memegang gunting dengan lebih kemas dan boleh menggunting mengikut garisan lurus hingga ke garisan yang lebih kompleks. Murid juga menunjukkan keupayaan untuk memegang pensil dan menulis dengan cara yang betul.

KELEMAHAN PENGUASAAN KEMAHIRAN MENGGUNTING DI KALANGAN KANAK-KANAK DAN KESANNYA KEPADA KEMAHIRAN MOTOR HALUS DAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Kanak-kanak yang tidak mempunyai pendedahan awal tentang aktiviti menggunting sebelum memasuki prasekolah menyebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran untuk memegang dan menggunakan gunting. Akibatnya, kanak-kanak tidak mahir memegang gunting, tidak dapat menggunting mengikut bentuk dan garisan, hasil guntingan tidak kemas dan tidak dapat menggerakkan gunting dengan cara yang betul. Kajian oleh Xia Wei (2016b) bersetuju kanak-kanak yang berumur 3 hingga 6 tahun tidak mempunyai kemahiran untuk memegang dan menggunakan gunting dengan betul. Terdapat pelbagai gaya memegang gunting yang salah yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dan kebanyakan daripada mereka yang mengalami kesukaran dalam aktiviti melukis, menggunting dan melipat ini mempunyai kemahiran motor halus yang lemah.

Berdasarkan carta perkembangan, kanak-kanak yang berumur umur 3 hingga 5 tahun sudah dapat menguasai kemahiran menggunting (Rebecca et al. 2016). Namun masih terdapat kanak-kanak prasekolah yang berumur 6 tahun yang masih tidak dapat menguasai kemahiran menggunting. Anggra & Elisabeth (2014) turut berpandangan bahawa kanak-kanak sudah mampu menggunakan kemahiran motor halus yang melibatkan koordinasi mata tangan untuk menggunting, memegang pensil, menulis dan menguntai manik ketika berusia 5 dan 6 tahun. Sehubungan itu, peluang dan latihan menggunting secara kerap perlu diberikan agar anak-kanak dapat meningkatkan kemahiran menggunting.

Kemahiran menggunting yang lemah menyebabkan kanak-kanak mengalami kesukaran seperti menggunting dengan kekok, kertas menjadi terkoyak dan tidak menggunting mengikut garisan serta bentuk yang betul. Bertepatan dengan dapatan awal (Ratcliffe 2007) yang

menunjukkan ketidaklancaran ketika menggunting menyebabkan kertas terkoyak, saiz guntingan yang berbeza-beza, tidak dapat mengekalkan keseimbangan ketika menggunting garisan lurus dan kanak-kanak cenderung untuk menggunting sedikit demi sedikit berbanding menggunting secara terus.

Kelemahan penguasaan kemahiran menggunting ini turut dipersetujui oleh kajian Irma & Hafidz (2018) yang mendapati bahawa tiga aktiviti motor halus yang tidak dapat dikuasai oleh kanak-kanak ketika berada di prasekolah adalah aktiviti mewarna, menggunting dan menampal. Kanak-kanak tidak dapat menggunting dengan kemas dan tidak mengikut garisan. Hal ini berikutan, kanak-kanak mempunyai daya tumpuan dan koordinasi mata tangan yang kurang. Mahfuzah (2015) bersetuju bahawa kemahiran motor halus memerlukan pergerakan manipulatif dengan melibatkan objek dan memerlukan daya untuk menggerakkannya. Seajar dengan aktiviti menggunting yang memerlukan kanak-kanak menggunakan daya untuk mengawal pergerakan jari dan tangan mereka ketika menggunting sesuatu bentuk.

Selain itu, kanak-kanak yang tidak menguasai kemahiran menggunting mengalami kesukaran dalam kemahiran menulis dan kemahiran lain yang melibatkan penggunaan motor halus. Seo (2018) turut mendapati faktor perkembangan motor halus mempengaruhi kemahiran menulis kanak-kanak. Aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus perlu dikuasai terlebih dahulu bagi membantu meningkatkan kemahiran menulis kanak-kanak. Pelaksanaan intervensi motor halus yang melibatkan ketangkasan dan kekuatan jari serta tangan dapat membantu memperbaiki kemahiran menulis kanak-kanak.

Kelemahan kemahiran menggunting turut dikenalpasti dalam kajian Sarina et al. (2017) yang mendapati 9 daripada 13 orang kanak-kanak mengalami kesukaran menguasai kemahiran motor halus terutamanya dalam aktiviti menggunting dan menampal. Kanak-kanak ini dikenalpasti tidak mendapat pendedahan awal di rumah dan kurang menerima galakan untuk mengekspresikan kreativiti mereka dalam kegiatan motor halus. Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti ini perlu diatasi dari awal agar kanak-kanak berupaya menguasai kemahiran motor halus dalam melaksanakan tugas dan aktiviti seharian.

KESIMPULAN

Guru bertindak sebagai pemudahcara dan agen perubahan kepada kanak-kanak. Guru perlu memerhati seterusnya menilai tahap perkembangan kanak-kanak dan melaksanakan kaedah serta teknik yang bersesuaian untuk merangsang perkembangan motor kanak-kanak (Gidion 2020). Kemahiran motor kanak-kanak dapat berkembang sekiranya guru cakna dan menggunakan kaedah yang berkesan untuk membantu mereka. Menurut Santrock (2011) koordinasi motor halus kanak-kanak semakin berkembang sejak berumur 4 tahun dan kemahiran ini akan semakin dikuasai apabila mereka sering melakukan aktiviti yang melibatkan pergerakan tangan dan badan yang disertakan dengan koordinasi mata.

Pendedahan awal tentang kemahiran menggunting amat diperlukan terutamanya dalam membantu kemahiran menulis dan aktiviti lain yang melibatkan motor halus kanak-kanak. Kawalan jari dan tangan serta koordinasi mata dapat membantu kanak-kanak menguasai aktiviti menggunting dan aktiviti menulis. Penguasaan kedua-dua kemahiran ini dapat menunjukkan bahawa kanak-kanak mempunyai kawalan motor halus yang baik. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan keyakinan diri dan menggalakkan kanak-kanak menonjolkan minat serta potensi dalam diri masing-masing.

Kanak-kanak yang menguasai kemahiran menggunting ketika di prasekolah berupaya untuk menunjukkan perkembangan yang positif dalam kemahiran lain yang melibatkan manipulasi alatan serta kawalan pergerakan anggota badan. Kemahiran motor halus yang berkembang dengan baik menjadikan kanak-kanak lebih yakin untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru. Selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2017) yang menyatakan kanak-kanak berupaya untuk menunjukkan koordinasi mata tangan dan kemahiran motor halus dalam kepelbagaian aktiviti yang melibatkan penggunaan alatan. Kemahiran menggunting melibatkan koordinasi dan pergerakan motor halus menyebabkan kemahiran ini adalah penting untuk dikuasai. Perkembangan motor yang baik dapat menjadi kayu ukur tahap kesediaan kanak-kanak sebelum melangkah ke Tahun 1.

RUJUKAN

- Anggra, D.P. & Elisabeth, C. 2014. Pengaruh kegiatan menggunting pola terhadap kemampuan motoric halus anak usia dini kelompok B di TK Islam Qoshrul Ubudiyah. *PAUD Teratai* 3(3).
- Bandura, A. 1997. *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Bhatia, P., Davis, A. & Shamas-Brandt, E. 2015. Educational gymnastics: The effectiveness of Montessori practical life activities in developing fine motor skills in kindergartners. *Early Education and Development* 26(4): 594 – 607.
- Brook, G., Wagenfeld, A. & Thompson, C. 2006. *Fingergym Fine Motor Skills: School Readiness Program*. Bowel Hills, Queensland: Australian Academic Press.
- Cho, H., Ji, S., Chung, S., Kim, M. & Joung, Y.S. 2014. Motor function in school aged children with attention deficit/hyperactivity disorder in Korea. *Psychiatry Investigation* 11(3): 223.
- Dehghan, L., Mirzakhani, N., Rezaee, M. & Tabatabaee, M. 2017. The relationship between fine motor skills and social development maturation. *Iranian Rehabilitation Journal* 15(4): 407 – 414.
- Deliveli, K. 2012. A special method on instruction reading and writing: Audio-centered language teaching method. *E-Journal of New World Sciences Academy* 7(1): 62 – 78.
- Devinder, K.A.S., Nor Najwatul Akmal Ab Rahman, Roslee Rajikan, Asfarina Zainudin, Nor Azlin Mohd Nordin, Zainura Abdul Karim & Yee, Y.H. 2015. Balance and motor skills among preschool children aged 3 to 4 years old. *Malaysian Journal of Medicine and Health Science* 11(1): 63 – 68.
- Digler, M. 2012. *Art Education on Preschool*. Ankara: Pegem Akademy.
- Emel, S. & Deniz, D.A. 2020. The effect of preschool children's motor skills on self-care skills. *Early Child Development and Care* 190(6): 963 – 970.
- Gidion, H. 2018. The importance of measuring fine motor skill in early children's education. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research. 3rd International Conference on Vocational Higher Education*.
- Irma, O.A.S. & Hafidz, A. 2018. Meningkatkan perkembangan motoric halus anak melalui kegiatan 3M (Mewarnai, Menggunting, Menempel) dengan metode demonstrasi. *Jurnal Ilmiah Tumbuh Kembang Anak Usia Dini* 3(3).
- Karr, M. 1934. Development of motor control in young children: Coordinated movements of the fingers. *Child Development* 5(4): 381 – 387.
- Kleek, A. & Schuele, C.M. 2010. Historical perspectives on literacy in early childhood. *American Journal of Speech-Language Pathology* 19: 341 – 355.
- Kurniawati, A., Hastuti, W.D. & Prehedhiono, H. 2018. The effect of finger painting towards fine motor skill of intellectual disability. *Jurnal Penelitian dan Pengembangan Pendidikan Luar Biasa* 5(1): 47 – 51.
- Mahfuzah Zainol. 2015. *Strategi Pengurusan Tingkah Laku Pendidikan Khas*. Putrajaya, Malaysia.
- Memi, Horhan. 2014. Fine motor skills in children with down syndrome. *Specijalna Edukacija Rehabilitacija* 13(4): 365 – 377.
- NAEYC *Early Learning Program Accreditation Standards and Assessment Items*. 2019. United States: NAEYC.
- Noor Izzaidah Noramy & Siti Marhamah Kamarul Arifain. 2017. Perbezaan kemahiran motor berdasarkan jantina dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan Movement Assessment Battery for Children (MABC). *Malaysian Journal of Social Science* 2: 25 – 35.
- Nourlieda Abdullah. 2012. Cantik dan kemas. *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG Kampus Batu Lintang*.
- Nurazira Abdul Halim & Mohd Mokhtar Tahar. 2020. Fine motor skills through art therapy: A casestudy. *International Conference on Special Education in South East Asia Region 10th Series*.
- Pekdogan, S. & Akgul, E. 2017. Preschool children's school readiness. *International Education Studies* 10(1).

- Ratcliffe, I. Concha, M. & Franzsen, D. 2007. Analysis of cutting skills in four and six year olds attending nursery schools in Johannesburg. *South African Journal of Occupational Therapy* 37: 4 – 9.
- Rebecca, J.S., Graham, J.S. & Annemarie, S. 2016. Developmental Milestones. *Pediatrics* 37(1).
- Robinson, L.E., Webster, E.K., Logan, S.W., Lucas, W.A. & Barber, L.T. 2012. Teaching practices that promote motor skills in early childhood settings. *Early Childhood Education* 40: 79 – 86.
- Santrock, J.W. 2011. *Child Development 13th Edition*. New York: Mc-Graw Hill.
- Sarina, Muhammad, A. & Halida. 2017. Peningkatan kemampuan motoric halus melalui kegiatan menggunting dan menempel pada anak usia 4 – 5 tahun di PAUD Aisyiyah 3 Pontianak. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa* 6(11).
- Seo, S.M. 2018. The effect of fine motor skills on handwriting legibility in preschool age children. *The Journal of Physical Therapy Science* 30: 324 – 327.
- Siti Asmira. 2015. Meningkatkan kemahiran menggunting dalam kalangan murid prasekolah dengan menggunakan Teknik GURIS. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim.
- Suhainita Md. Zain. 2008. Meningkatkan perkembangan motor halus kemahiran pengguntingan dalam diri kanak-kanak prasekolah. Disertasi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan IPG Kampus Bahasa Melayu.
- Sumantri. 2005. *Model Pengembangan Keterampilan Motorik Anak Usia Dini*. Jakarta: Depdikbud.
- Syafrimen, S., Ria, S., Ridfa, E.F., Titik, R., Agus, P., Nova E.Y. & Noriah, M.I. 2018. Four ways of fine motor skills development in early childhood. Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung.
- Tengku Nur Ain. 2013. Meningkatkan kemahiran motor halus dalam menggunting bagi murid masalah pembelajaran melalui Teknik Play Dough. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan IPG Kampus Dato Razali Ismail.
- Xia Wei. 2016. Research on the boost of development on young children's fine motor by folk games. *International Education Studies* 9(9): 1913 – 9039.
- Yakimishyn, J.E. & Magill-Evans, J. 2002. Comparisons among tools, surface orientation and pencil grasp for children 23 months of age. *American Journal of Occupational Therapy* 56: 564 – 572.
- Yulia, N.K.H., Agung, A.A.G. & Putra, I.M. 2013. Penerapan model explicit instruction melalui kegiatan bermain warna untuk meningkatkan perkembangan motorik halus. *Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini Undiksha* 1(1).
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition* 155 – 172.
- Zulaiha Ismail. 2015. Kesan pembelajaran yang menyeronokkan terhadap kesediaan belajar dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.